

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

## Subsidi bersasar RON95 bermula separuh kedua 2024



### Maklumat PADU panduan laksana program lebih telus, adil

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Kerajaan** akan melaksanakan program subsidi bersasar RON95 pada separuh kedua 2024, demikian menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, mulai tahun depan akan memperlihatkan usaha kerajaan kepada pelaksanaan dasar dan dengan penubuhan Pangkalan Data Utama (PADU) pada Januari 2024 memberikan akses kepada data granular yang diperlukan untuk melaksanakan program bersasar seperti rasionalisasi subsidi atau reformasi kebajikan sosial.

Katanya, dengan kumpulan T20 menikmati 53 peratus daripada subsidi bahan api secara pukal, ia adalah model yang tidak mampan dan tidak saksama.

"Justeru, kerajaan akan melancarkan program subsidi (bersasar) RON95 pada 2024," katanya pada Persidangan Tinjauan Ekonomi Negara (NEOC) anjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, kerajaan mengambil masa untuk melaksanakan program su-



Rafizi bersama delegasi ketika majlis perasmian MIER National Economic Outlook Conference 2023 di Auditorium Menara AFFIN@TRX, Kuala Lumpur. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

bsidi bersasar bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

Beliau berkata, adalah dijangkakan akan ada ketidakpuasan dan masalah sebaik ia dilaksanakan, tetapi kerajaan tidak mampu kepada pusingan U apabila ia dilaksanakan.

"Setahun lalu saya bercakap mengenai perkara ini. Saya tahu penganalisis di luar sana bertanya kenapa mengambil masa lama (melaksanakannya).

"(Ia) sebab kita melihat ia dilaksanakan di negara lain. Urutan penting dengan memastikan semua perkara sedia dan cuba rapatkan lohong sebaik mungkin.

"Kita tidak mampu kepada pusingan U apabila ia dilaksanakan. Kita mengambil setahun untuk menyediakan asas dan saya tidak kisah," katanya.

Rafizi berkata, apabila su-

bsidi bersasar dilaksanakan, ia akan diterjemahkan kepada kedudukan fiskal menjelang akhir 2024.

Beliau berkata, jika bernasib baik dan bertetapan dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi global, pelaksanaannya akan memberi manfaat yang lebih baik kepada negara dari segi pelaburan serta tinjauan pada 2024.

Pada awal November, Rafizi dilaporkan berkata, tiga cadangan kaedah penyasaran semula subsidi petrol dan diesel akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bulan ini.

Beliau berkata, tiga kaedah diputuskan selepas mengambil kira semua pandangan pihak berkepentingan termasuk kementerian berkaitan dan pakar ekonomi dan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi

Negara (MTEN) pada Mei, Jun, Julai dan September lalu.

#### Pembaharuan struktur ekonomi

Dalam perkembangan lain, Rafizi berkata, pembaharuan struktur ekonomi yang dimulakan pada 2023 akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik untuk mengambil sepenuhnya peluang keadaan ekonomi dunia yang diunjurkan bertambah baik pada 2024 dan selanjutnya.

Beliau berkata, tanggungjawab kerajaan adalah memastikan penyaluran dari segi perancangan dan sambutan pemain industri dan swasta dengan dasar perubahan struktur ekonomi makro yang ditumpukan pada 2024.

Katanya, walaupun masih ada risiko kepada perkembangan ekonomi dunia, tetapi secara konsensusnya, ketidakpastian terutama

berkaitan kadar mata wang yang disebabkan oleh dasar mata wang di Amerika Syarikat (AS) dijangka reda pada 2024.

"Jika keadaan itu berlaku dengan asas yang baik dari segi pembaharuan struktur ekonomi yang telah dimulakan pada 2023, itu akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik untuk kita mengambil sepenuhnya peluang keadaan ekonomi dunia yang bertambah baik 2024 dan seterusnya," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata, kertas putih mengenai gaji progresif akan dibentangkan di Parlimen pada Khamis ini.

Beliau berkata, negara berada dalam keadaan unik berikutan pelaksanaan gaji minimum yang memperlihatkan gaji untuk pekerja muda yang mula memasuki sektor pekerjaan atau pekerja separuh kemahiran yang bekerja lima hingga 10 tahun, gaji mereka sukar meningkat.

Katanya, keadaan itu menyebabkan gaji median iaitu gaji pertengahan pekerja di negara ini adalah sekitar RM2,600 saja, hanya RM11 daripada paras kemiskinan keluarga RM2,589.

"Justeru, kerajaan merasakan perlu gandingan gaji minimum yang melindungi pekerja bawahan dan menetapkan lantai gaji ini dengan satu lagi dasar yang boleh melonjakkan dan menggalakkan peningkatan gaji bagai kumpulan lain yang tidak teratak ke atas gaji minimum.

"Sekarang ini, gaji minimum hanya pekerja bawahan (berkemahiran rendah)," katanya.